

26/12/2001

Rumah terbuka budaya Malaysia: PM

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, adalah menjadi satu budaya Malaysia untuk meraikan hari-hari kebesaran semua kaum dan agama secara bersama dengan mengadakan rumah terbuka.

Dr Mahathir berkata, budaya itu telah menjadi satu cara yang berjaya merapatkan hubungan sesama kaum dan seterusnya dapat memastikan kestabilan serta keamanan negara.

"Dengan cara ini, kita dapat memahami antara satu sama lain dengan lebih baik dan berjaya rapatkan hubungan," katanya ketika menghadiri rumah terbuka Krismas anjuran Persekutuan Kristian Malaysia dan Uskop Agung Roman Catholic, Anthony Soter Fernandez.

Dr Mahathir berkata, beliau gembira untuk bersama-sama masyarakat penganut agama Kristian menyambut Hari Natal.

"Mereka (penganut agama Kristian) bersama saya semasa buka puasa, jadi saya gembira bersama-sama mereka menyambut hari kebesaran ini. Saya ingin ucapkan Selamat Hari Natal kepada mereka semua," katanya.

Mengenai kemungkinan Amerika Syarikat mengerahkan 100,000 anggota tenteranya menyerang Iraq, Dr Mahathir berkata, Malaysia berharap perkara itu tidak akan berlaku.

"Kita harap perkara ini tidak akan berlaku kerana kita tak nak lihat, selepas Afghanistan, Iraq pula (menjadi sasaran). Lepas Iraq... Somalia. Ini bukan caranya," katanya.

Laporan Newsweek menyatakan pegawai kanan tentera Amerika Syarikat sedang mengkaji kemungkinan mengerahkan 100,000 anggota tenteranya ke Iraq bagi melancarkan serangan dari dua arah untuk menawan negara itu.

Mengenai mesyuarat Barisan Nasional bagi membincangkan kemasukan Parti Bersatu Sabah (PBS), beliau berkata, mesyuarat itu akan diadakan secepat mungkin.

(END)